

5 October 2023

TO OUR VALUED STAKEHOLDERS

Subject: **COMPULSORY WEARING OF FACE MASK ONBOARD THE VESSELS FROM INDIA**

The above subject matter refers.

Due to the recent increasing numbers of Nipah virus cases reported in India, Northport will be strengthening our proactive health and safety measures to prevent the transmission of Nipah virus in our workplace.

In relation to this, we wish to inform our stakeholders that the **wearing of face masks onboard the vessels calling from India ports is compulsory** for all personnel assigned onboard including the shipping agent, boarding officer, stevedore, lashing, surveyor and any other persons who interact with the vessel crew. In addition, all personnel working onboard are required to:

1. Keep a physical distance of 1 meter with the vessel crew
2. Minimize contact with the vessel crew
3. Use of hand sanitizers to maintain good hygiene

Failure to comply with the above instruction will be charged with HON (HSE Omission Notification). We wish to assure that we will continue to implement various Nipah virus preventive initiatives to minimize the risk of exposure to our employees, customers, contractors, service providers and other port users. Northport will continue to work closely with the Ministry of Health Malaysia and other Government Agencies to ensure that the well-being and safety of our stakeholders are protected.

Your kind attention on the above matter is highly appreciated.

Thank you.

Yours sincerely,
NORTHPORT (MALAYSIA) BHD



DATO' AZMAN SHAH MOHD YUSOF
Chief Executive Officer

5 Oktober 2023

KEPADA SEMUA KAKITANGAN NORTHPORT (MALAYSIA) BHD

PER: PEMAKAIAN WAJIB PELITUP MUKA BAGI KAKITANGAN YANG BERTUGAS DI KAPAL DARI INDIA

Berikutan jumlah kes virus Nipah yang membimbangkan di negara India, pihak Syarikat memandang serius dan akan mengambil langkah-langkah proaktif bagi mencegah penularan virus Nipah di pelabuhan Northport.

Bagi kapal-kapal dari negara India yang berlabuh di dermaga, semua kakitangan yang bertugas di atas kapal **diwajibkan untuk memakai pelitup muka** serta mematuhi langkah-langkah pencegahan seperti berikut:

1. Mengamalkan penjarakan fizikal 1 meter
2. Mengurangkan kontak dengan anak kapal
3. Menggunakan *hand sanitizer* bagi menjaga kebersihan sendiri

Sehubungan dengan itu, semua kakitangan diingatkan untuk mematuhi arahan ini dan tindakan HON (*HSE Omission Notification*) akan dikenakan sekiranya didapati gagal mematuhi arahan yang ditetapkan.

Pihak Syarikat akan terus melaksanakan pelbagai inisiatif berkaitan virus Nipah bagi mengurangkan risiko jangkitan kepada kakitangan. Pihak Syarikat juga akan terus bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia dan agensi-agensi kerajaan berkaitan bagi memastikan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan kondusif.

Sekian, terima kasih dan *stay safe*.

Saya Yang Menjalankan Amanah,
NORTHPORT (MALAYSIA) BHD



DATO' AZMAN SHAH MOHD YUSOF
Ketua Pegawai Eksekutif



PEJABAT KESIHATAN PELABUHAN KLANG

Persiaran Raja Muda Musa
42000 Pelabuhan Klang
Selangor Darul Ehsan

TEL : 03-3168 6364 (Pejabat Utama)
03-3101 4275 (Caw. Pel. Barat)
03-3176 2912 (Caw. Pel Utara)
03-3165 1540 (Caw. Bot Dagang)
FAKS : 03-3168 4171 (Pengurusan),
03-3165 4006 (Kesihatan Antarabangsa)



Ruj. Kami : Bil (17) dlm.PK.Pel.Klang/78/09/11-1
Tarikh : 2 Oktober 2023

Lembaga Pelabuhan Klang
(PORTKLANG AUTHORITY)
Beg Berkunci 202,
Jalan Pelabuhan Utara,
42005 Pelabuhan Klang
SELANGOR DARUL EHSAN


Tuan,

ARAHAN KUARANTIN TERHADAP KAPAL-KAPAL DARI NEGARA INDIA UNTUK SURVELAN VIRUS NIPAH (NIV)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Rentetan dari penularan wabak virus Nipah di Kerala India, pihak Pejabat Kesihatan Pelabuhan Klang ingin memaklumkan arahan kuarantin keatas mana-mana kapal yang bertolak dari negara India 14 hari sebelum tiba di Malaysia. Arahan ini perlu dilaksanakan untuk mengelakkan penyebaran jangkitan Virus Nipah. Sehubungan dengan itu, prosedur pemeriksaan kapal dari India adalah seperti di lampiran 1.
3. Anggota kesihatan akan melakukan pemeriksaan ke atas kapal yang terlibat dengan memakai PPE (*Personal Protective Equipment*) lengkap. Sekiranya pemeriksaan mendapati terdapat krew atau penumpang yang bergejala, mereka akan dirujuk ke hospital untuk rawatan.
4. Mana-mana anak kapal atau penumpang dari India yang *sign off* akan diberikan Kad Amaran Kesihatan (*Health Alert Card*) seperti di lampiran 2. Mereka dikehendaki memantau tanda atau gejala penyakit Virus Nipah selama 14 hari. Sekiranya bergejala, dapatkan rawatan segera dan tunjukkan Kad Amaran Kesihatan tersebut.
5. Ejen kapal atau mana-mana individu boleh berurusan dengan krew selepas pemeriksaan kuarantin oleh anggota kesihatan dengan memakai pelitup muka (*surgical mask*) dan sarung tangan. Sekiranya pemeriksaan kesihatan diatas kapal memuaskan kapal akan diberikan *Free Pratique* dan *Port Health Clearance*.

KESIHATAN SEPANJANG HAYAT, KUALITI SEPANJANG MASA



PENGKERTIFIKAN MS ISO 9001:2015
NO. SML: QMS 01649



PEJABAT KESIHATAN PELABUHAN KLANG
Persiaran Raja Muda Musa
42000 Pelabuhan Klang
Selangor Darul Ehsan

TEL : 03-3168 6364 (Pejabat Utama)
03-3101 4275 (Caw.Pel.Barat)
03-3176 2912 (Caw. Pel Utara)
03-3165 1540 (Caw.Bot Dagang)
FAXS : 03-3168 4171(Pengurusan),
03-3165 4006(Kesihatan Antarabangsa)


6. Diharapkan maklumat ini mendapat perhatian dan tindakan yang sewajarnya dari pihak tuan. Kerjasama yang diberikan kami dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah


(DR HJ AZMI BIN ABDUL RAHIM)
Pengawai Kesihatan UD56
Pejabat Kesihatan Pelabuhan Klang


sk

Timbalan Pengarah Kawalan Penyakit (Survelan)
Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri Selangor(KA)
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

KESIHATAN SEPANJANG HAYAT, KUALITI SEPANJANG MASA





HEALTH ALERT CARD

FOR TRAVELERS AND SHIP CREW RETURNING FROM COUNTRIES WITH ACTIVE TRANSMISSION OF NIPAH VIRUS

Keep this card for the next 14 days after returning / coming to Malaysia. Monitor your body temperature and look out for fever, headache, myalgia (muscle pain), vomiting and sore throat. If these symptoms develop **OR** worsen **OR** you start to develop symptoms like dizziness, drowsiness, confusion, personality changes, muscle weakness, hallucination, or difficulty in breathing, seek medical advice **IMMEDIATELY**.

Kindly practice the following:

- i. Avoid unprotected physical contact with other people;
- ii. Wash your hands with soap and water or use hand sanitizer regularly;
- iii. Use a face mask whenever being in public or in close contact with people;
- iv. Always maintain good personal hygiene and cleanliness.

ATTENTION TO THE ATTENDING DOCTOR

The person who is presenting this health alert card to you had recently travelled or returned from Nipah affected countries (within the past 14 days). If the person presents with fever, headache, myalgia, vomiting, OR neurological symptoms like dizziness, drowsiness, muscle weakness, hallucination, OR respiratory symptoms like difficulty in breathing, please refer him/her **IMMEDIATELY** to the nearest hospital for investigation and treatment.*

**List of countries affected by Nipah virus: India*

Note: This list will be updated from time to time as per the WHO report.

KAD AMARAN KESIHATAN

BAGI PELAWAT DAN ANAK KAPAL YANG BARU PULANG DARI KAWASAN YANG DIJANGKITI VIRUS NIPAH

Simpan kad ini selama 14 hari setelah kembali ke Malaysia. Sila pantau suhu badan anda dan awasi gejala seperti demam, sakit kepala, sakit otot, muntah dan sakit tekak. Sekiranya anda mengalami gejala tersebut **ATAU** tahap kesihatan anda bertambah teruk **ATAU** anda mula mengalami simptom seperti pening, kekeliruan, perubahan personaliti, lemah otot, halusinasi, atau kesukaran bernafas, dapatkan rawatan perubatan dengan **SEGERA**.

Jika anda mempunyai gejala tersebut:

- i. Elakkan sentuhan secara terus tanpa perlindungan dengan orang lain;
- ii. Cuci tangan dengan sabun dan air atau bahan pencuci tangan (hand sanitizer);
- iii. Pakai penutup mulut dan hidung (mask) apabila terpaksa berhubung/berurusan dengan orang lain;
- iv. Pastikan anda menjaga kebersihan diri sepanjang masa.

Individu yang membawa kad amaran kesihatan ini telah membuat perjalanan atau kembali dari negara* yang terdapat jangkitan virus Nipah (dalam 14 hari lalu). Jika anda mendapati beliau mengalami gejala seperti demam, sakit kepala, sakit otot (myalgia), muntah, **ATAU** gejala neurologi seperti pening, kekeliruan, perubahan personaliti, lemah otot, halusinasi, **ATAU** gejala pernafasan seperti kesukaran bernafas, sila rujuk ke hospital yang berhampiran dengan kadar **SEGERA** untuk pemeriksaan dan rawatan.

**Senarai negara yang terlibat dengan jangkitan virus Nipah: India*

Nota: Senarai ini akan dikemaskini dari masa ke masa berdasarkan laporan oleh WHO.